Sungai Lui Construction & Development Sdn Bhd lwn Jati Estetika Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN SIVIL NO 22–155 TAHUN 2010
AHMAD BACHE PK
10 OKTOBER 2016

Kontrak — Tuntutan — Tuntutan bagi kerja-kerja siap — Kewujudan kontrak — Sama ada perjanjian di antara pihak-pihak dibuat secara lisan, bertulis ataupun tingkah laku — Sama ada kontrak antara plaintif dan defendan ditamatkan secara salah oleh defendan — Sama ada plaintif berhak kepada jumlah yang dituntut — Sama ada kontrak antara plaintif dan defendan berdasarkan surat dengan jumlah RM3 juta atau RM27,250,000

Ekoran daripada kejadian tanah runtuh, defendan telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya ('JKR') untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih di suatu tapak yang dikenali sebagai projek 'Cadangan Pembaikan Akibat Kegagalan Cerun di Laluan FT185, Seksyen 98.1 Jalan Simpang Pulai/Lojing ke Gua Musang, Kelantan'. Untuk kerja pembinaan semula dan baik pulih bagi kedua-dua kawasan, defendan telah menandatangani perjanjian dengan JKR dengan kontrak berjumlah RM27,250,000. Melalui surat bertarikh 21 Mac 2009 ('P7'), defendan telah melantik plaintif sebagai subkontraktor utama dan sepenuhnya (*total and main subcontractor*). Pihak-pihak bersetuju untuk menyediakan satu 'memorandum of understanding' ('MOU') sebelum menandatangani 'memorandum of agreement' ('MOA') yang tidak dapat disediakan memandangkan pihak JKR belum lagi menentukan 'the final contract sum' untuk projek tersebut. Namun akhirnya, MOU tidak dapat dilaksanakan. Plaintif mendakwa perjanjian di antara pihak-pihak telah dibuat sebahagiannya secara lisan, sebahagiannya secara bertulis dan sebahagian lagi melalui tingkah laku (*conduct*) di antara plaintif dan defendan. Plaintif mendakwa bahawa antara terma-terma yang dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat pada atau sekitar 23 Mac 2009: (a) defendan melaksanakan surat ikatan penyerahan (*deed of assignment*) untuk menyerahkan kesemua hak dan kepunyaan dalam jumlah wang yang diterima daripada JKR kepada plaintif untuk kerja-kerja yang dilaksanakan; dan (b) defendan harus membayar plaintif bayaran pengurusan projek (*management fee*) pada kadar 15% daripada bayaran progresif yang diterima defendan daripada JKR. Plaintif telah meminta wang pendahuluan bayaran pengurusan projek berjumlah RM100,000 di mana plaintif menerima RM50,000. Plaintif mendakwa bahawa bagi kerja-kerja yang dilaksanakan antara 19 Mac 2009 dan 31 Oktober 2009, defendan telah menerima kira-kira RM14,750,000 daripada JKR sebagai bayaran yang telah diperakui dilaksanakan secara

A sempurna (*payment for works duly certified as satisfactorily completed*). Plaintif selanjutnya mendakwa bahawa melalui surat notis pemberhentian kerja bertarikh 9 September 2009 ('P17'), defendan secara salah telah mengingkari kontrak apabila menamatkan perjanjian antara pihak-pihak dan memberikan arahan kepada plaintif supaya menyempurnakan kerja-kerja yang dimulakan B di laluan FT185 dan memindahkan semua jentera dan peralatan daripada tapak sejurus selepas itu. Plaintif telah menyempurnakan kerja-kerja tersebut pada 31 Oktober 2009. Pada sekitar 10 Oktober 2009, defendan telah memberi arahan kepada plaintif untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih tambahan di suatu kawasan berdampingan FT185 C sebelum memindahkan semua jentera dan peralatan. Kerja-kerja tambahan ini juga telah dilaksanakan. Defendan telah gagal melaksanakan surat ikatan penyerahan hak dan kepunyaan kesemua wang yang diterima daripada JKR berjumlah RM10,678,915.58 dan gagal membayar hutang bagi kerja-kerja tambahan yang dilaksanakan sebanyak RM26,424.46. Oleh sebab penamatan D perjanjian secara salah oleh defendan pada 9 September 2009, plaintif telah mengalami kerugian dan kerosakan. Justeru itu, tindakan ini difailkan oleh plaintif terhadap defendan. Isu-isu untuk penentuan mahkamah adalah: (i) sama ada kontrak antara plaintif dan defendan adalah berdasarkan kepada E surat bertarikh 11 Mac 2009 dengan jumlah kontrak tidak melebihi RM3 juta ('P6') atau 'final contract sum' sebanyak RM27,250,000 ('P7') sebagaimana surat bertarikh 21 Mac 2009; (ii) sama ada kontrak di antara plaintif dan defendan telah ditamatkan secara salah oleh pihak defendan; dan (iii) sama ada plaintif adalah berhak kepada jumlah seperti yang dituntut oleh pihak plaintif.

F

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM15,000:

(1) Mahkamah mendapati bahawa P7 telah pun mengatasi surat bertarikh 11 Mac 2009 ('P6'). P6 merupakan tawaran awal daripada defendan G sahaja dan telah tidak diterima oleh plaintif. Selain itu, P7 dikeluarkan pada tarikh kemudiannya, dan adalah logik untuk surat yang terbaru mengatasi surat yang terdahulu. Tambahan lagi, SP1 dalam keterangangnya telah menyatakan bahawa jumlah kontrak adalah H sebanyak RM27 juta. Oleh itu, berdasarkan P7 dan keterangan SP1, kontrak di antara plaintif dan defendan adalah berdasarkan kepada 'contract sum' sebanyak RM27,250,000 (lihat perenggan 24 & 26–27).

(2) Berdasarkan eksh P7, kedua-dua pihak bersetuju intuk menyediakan I MOU sementara menunggu MOA dan ia akan menjadi sebahagain daripada kontrak yang mengikat pihak-pihak. Walaupun MOU tidak ditandatangani, ianya tetap mengikat pihak-pihak kerana telah dipersetujui dan pihak plaintif telah bertindak ke atas MOU tersebut (lihat perenggan 31).

(3) Mahkamah telah membuat dapatan fakta berdasarkan keterangan yang ada, bahawa plaintif memang telah melaksanakan kerja-kerja yang dipersetujui. Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa walaupun notis bertarikh 9 September 2009 tidak menyatakan secara spesifik penamatan kontrak di antara pihak-pihak, namun, fakta bahawa defendan tidak pernah memanggil semula pihak plaintif untuk menyambung kerja-kerja tersebut merupakan suatu penamatan. 'Conduct' defendan melantik pihak ketiga menunjukkan bahawa defendan tidak pernah atau tidak lagi berniat untuk memanggil semula plaintif bagi kerja-kerja tersebut (lihat perenggan 33 & 35–36)

(4) Mahkamah mendapati bahawa tiada keterangan kukuh ynag telah dikemukakan oleh defendan yang dapat mematahkan hujahan plaintif mengenai jumlah tuntutan yang telah dituntut oleh plaintif. Mahkamah juga mendapati keterangan saksi-saksi defendan ada yang meragui dan tidak boleh dipercayai. Tambahan pula, pihak defendan tidak memberikan keterangan konsisten di antara mereka sehinggakan mahkamah tidak dapat memutuskan 'valuation method' yang manakah digunakan oleh defendan. Keterangan mereka lebih kepada penafian (lihat perenggan 46 & 49).

[English summary

Following a landslide incident, the defendant was appointed by the Public Works Department to undertake reconstruction and overhaul works on a site known as the 'Proposed Improvement of Slippage Failure Proposal at the FT185, Section 98.1 Jalan Simpang Pulai/Lojing to Gua Musang, Kelantan'. For the purpose of the reconstruction and overhaul of both areas, the defendant signed a contractual agreement with JKR amounting to RM27,250,000. By a letter dated 21 March 2009 ('P7'), the defendant has appointed the plaintiff as the principal and subcontractor (total and main subcontractor). The parties agreed to provide a memorandum of understanding ('MOU') before signing a memorandum of agreement ('MOA') that could not be prepared as the JKR has not yet determined the final contract sum for the project. In the end, both MOUs could not be implemented. The plaintiff claimed that the agreement between the parties was made partly orally, partly in writing and partly through the conduct ('conduct') of the plaintiff and the defendant. The plaintiff claimed that in the terms discussed and agreed at the meeting on or about 23 March 2009: (a) the defendant executed a deed of assignment to deliver all rights and property in the amount received from JKR to the plaintiff for the works done; and (b) the defendant had to pay the plaintiff the management fee ('the management fee') at a rate of 15% of the progressive payments received by the defendant from JKR. The plaintiff requested for the advance payment of project management fee amounting to RM100,000 where the plaintiff received RM50,000. The plaintiff claimed that for the works executed between 19 March 2009 and 31 October 2009, the defendant received about

RM14,750,000 from JKR as payment for works duly certified as satisfactorily completed. The plaintiff further claimed that by a notice of termination on 9 September 2009 ('P17'), the defendant wrongfully breached the contract upon termination of the agreement between the parties and gave the plaintiff directions to complete the work commenced on the FT185 route and transfer all machinery and equipment from the site shortly thereafter. The plaintiff completed the work on 31 October 2009. On 10 October 2009, the defendant instructed the plaintiff to perform additional reconstruction and overhaul works in an adjacent area of FT185 before transferring all machinery and equipment. These additional works were also been implemented. The defendant failed to execute the deed of assignment and all the funds received from JKR amounting to RM10,678,915.58 and failed to pay the debts for additional works performed amounting to RM26,424.46. Due to the wrongful termination of the defendant on 9 September 2009, the plaintiff suffered losses and damages. Hence, this action was filed by the plaintiff against the defendant. The issues that arose for the court's adjudication were: (i) whether the contract between the plaintiff and the defendant was based on a letter dated 11 March 2009 with a total contract not exceeding RM3m ('P6') or 'final contract sum' of RM27,250,000 ('P7') as a letter dated 21 March 2009; (ii) whether the contract between the plaintiff and the defendant was wrongly terminated by the defendant; and (iii) whether the plaintiff was entitled to the amount claimed.

Held, allowing the plaintiff's claim for costs of RM15,000:

(1) The court found that P7 had already overwrite the letter dated 11 March 2009 ('P6'). P6 was the initial offer of the defendant only and was not accepted by the plaintiff. Additionally, P7 was issued at a later date, and it was logical as the latest letter to overwrite the previous letter. Additionally, SP1 in its opinion has stated that the contract amount is RM27m. Therefore, based on P7 and SP1 evidence, the contract between the plaintiff and the defendant was based on the contract sum of RM27,250,000 (see paras 24 & 26–27).

(2) Pursuant to exh P7, both parties agreed to provide MOU pending MOA and it shall be one of the contracting parties. Although the MOU was not signed, it remained binding on the parties as it has been agreed upon and the plaintiffs have acted on the MOU (see para 31).

(3) The court made a finding of fact based on evidence available, that the plaintiff has indeed executed the agreed works. The court also agreed with the plaintiff's argument that although a notice dated 9 September 2009 did not specifically specify the termination of the contract between the parties, the fact that the defendant had never recalled the plaintiffs to continue the work was a termination. The 'conduct' of the defendant in appointing a third party indicated that the defendant had never or no

longer intended to recall the plaintiff for the work (see paras 33 & 35–36).

(4) The court found that there was no strong evidence that the defendant was able to rebut the plaintiff's argument on the amount of claim claimed by the plaintiff. The court also found evidence of the defendants' witnesses who were doubtful and unreliable. Additionally, the defendants did not provide a consistent evidence of the fact that the court could not decide which valuation method was used by the defendant. Their evidence was more than a denial (see paras 46 & 49).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan bagi kerja-kerja siap, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 4158–4161.

Kes-kes yang dirujuk

Ajwa for Food Industries Co (MIGOP), Egypt v Pacific Inter-Link Sdn Bhd [2013] 5 MLJ 625, MP (dirujuk)

Heller Factoring Sdn Bhd (previously known as Matang Factoring Sdn Bhd) v Metalco Industries (M) Sdn Bhd [1995] 2 MLJ 153, MR (dirujuk)

Pembinaan Perwira Harta Sdn Bhd v Letrikon Jaya Bina Sdn Bhd [2013] 2 MLJ 620, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Erwin Lo (Lo Chambers) bagi pihak plaintif.
Nasrul bin Mohamad (C Jegathesan) bagi pihak defendan.

Ahmad Bache PK:

PENDAHULUAN

[1] Di dalam kes ini plaintif telah menuntut terhadap defendan-defendan untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) amaun genap masa dan terhutang daripada defendan kepada plaintif berjumlah RM10,493,096.43;

(b) kos;

(c) faedah dari 29 Oktober 2010 pada kadar 8% setahun; dan

(d) relif-relif lain yang difikirkan sesuai.

[2] Pada 25 Mac 2013 Mahkamah Tinggi Kota Bharu (YA Dato' Ahmad Zaidi bin Ibrahim) telah menolak tuntutan plaintif dengan kos untuk

ditaksirkan. Plaintif yang tidak berpuas hati telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Pada 8 September 2015 Mahkamah Rayuan telah memerintahkan agar tuntutan plaintif dikembalikan semula ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan untuk dibicarakan semula oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang lain. Di atas arahan tersebut, mahkamah ini telah membicarakan semula kes ini. Di akhir perbicaraan, di dalam perbicaraan semula ini, mahkamah ini telah memutuskan untuk membenarkan tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM15,000. Tidak berpuas hati dengan keputusan itu, defendan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan penghakiman mahkamah ini terhadap penghakiman tersebut.

FAKTA KES

[3] Pada atau sekitar 8 Januari 2009 ekoran daripada kejadian tanah runtuh, defendan telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya ('JKR') Kelantan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih di suatu tapak yang dikenali sebagai projek 'Cadangan Pembaikan Akibat Kegagalan Cerun di Laluan FT185, Seksyen 98.1 Jalan Simpang Pulai/Lojing ke Gua Musang, Kelantan'. Setelah berlakunya kejadian tanah runtuh kedua, kawasan terlibat dibahagikan kepada dua kawasan utama yang dinyatakan sebagai CH80–CH330 ('kawasan 1') dan CH610–730 ('kawasan 2').

[4] Untuk kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih di kawasan 1 dan 2 di laluan FT185 ini, defendan telah menandatangani perjanjian dengan Jabatan Kerja Raya Kelantan ('JKR') dengan kontrak berjumlah RM27,250,000.

[5] Melalui surat bertarikh 21 Mac 2009 ('P7') defendan telah melantik plaintif sebagai sub-kontraktor utama dan sepenuhnya iaitu 'Total and Main Sub-Contractor' bagi kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih di laluan FT185 tersebut. Plaintif mendakwa bahawa mereka telah menerima pelantikan tersebut pada 21 Mac 2009 secara lisan dan seterusnya menjalankan kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih di laluan FT185 tersebut.

[6] Setelah pelantikan tersebut, pihak-pihak bersetuju untuk menyediakan satu 'Memorandum of Understanding' ('MOU') sebelum menandatangani 'MOA' yang tidak dapat disediakan memandangkan pihak JKR belum lagi menentukan 'the final contract sum' untuk projek tersebut. Ke arah penyediaan MOU tersebut antara terma persetujuan pihak-pihak ('P8') dan ('P9') ialah:

(a) pihak defendan telah melantik plaintif untuk menjalankan kerja-kerja projek tersebut sehingga selesai bagi pihak defendan (eksh P9 *para* C);

(b) MOU ini adalah mengikat pihak-pihak (*binding and enforceable*)

(eskh P9 *para* 1); dan

(c) namun akhirnya MOU ini tidak dapat dilaksanakan.

[7] Justeru, plaintif mendakwa bahawa perjanjian di antara pihak-pihak telah dibuat sebahagiannya secara lisan, sebahagiannya secara bertulis dan sebahagian lagi melalui tingkah laku (*conduct*) di antara plaintif dan defendan.

[8] Plaintif selanjutnya mendakwa bahawa antara terma-terma yang dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat di antara pihak-pihak pada atau sekitar 23 Mac 2009 adalah seperti berikut:

(a) defendan melaksanakan surat ikatan penyerahan (*deed of assignment*) untuk menyerahkan kesemua hak dan kepunyaan dalam jumlah wang yang diterima daripada JKR kepada plaintif untuk kerja-kerja yang dilaksanakan di laluan FT185; dan

(b) plaintif harus membayar defendan bayaran pengurusan projek (*management fee*) pada kadar 15% daripada bayaran progresif yang diterima plaintif daripada JKR.

[9] Pada atau sekitar 23 Mac 2009 defendan telah meminta daripada plaintif wang pendahuluan bayaran pengurusan projek berjumlah RM100,000. Melalui surat bertarikh 23 Mac 2009 plaintif telah membayar kepada defendan wang pendahuluan bayaran pengurusan projek berjumlah RM50,000.

[10] Plaintif mendakwa bahawa untuk kerja-kerja yang dilaksanakan di laluan FT185 antara 19 Mac 2009 dan 31 Oktober 2009 defendan telah menerima kira-kira RM14,750,000 daripada JKR sebagai bayaran yang telah diperakui dilaksanakan secara sempurna (*payment for works duly certified as satisfactorily completed*).

[11] Plaintif selanjutnya mendakwa melalui surat bertarikh 9 September 2009 iaitu notis pemberhentian kerja ('P17') defendan secara salah telah mengingkari kontrak apabila menamatkan perjanjian antara pihak-pihak dan memberikan arahan kepada plaintif seperti berikut:

(a) menyempurnakan kerja-kerja yang telah dimulakan di laluan FT185; dan

(b) memindahkan semua jentera dan peralatan daripada tapak sejurus selepas itu.

[12] Plaintif sejurusnya telah menyempurnakan kerja-kerja yang dinyatakan di atas pada 31 Oktober 2009. Pada sekitar 10 Oktober 2009, defendan juga

telah memberi arahan kepada plaintif untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan semula dan baik pulih tambahan di suatu kawasan berdampingan FT185 sebelum memindahkan semua jentera dan peralatan. Daripada 8 Oktober 2009 sehingga 23 Oktober 2009 plaintif telah melaksanakan kerja-kerja tambahan tersebut.

[13] Walaupun plaintif telah beberapa kali menuntut daripada defendan untuk melaksanakan suratikatan penyerahan hak dan kepunyaan kesemua wang yang diterima defendan daripada JKR berjumlah RM10,678,915.58 untuk kerja-kerja yang dilaksanakan di laluan FT185, defendan telah gagal untuk berbuat demikian. Defendan juga telah gagal untuk membayar wang yang terhutang kepada plaintif bagi kerja-kerja tambahan yang dilaksanakan sebanyak RM26,424.46 yang mana butirannya telah diberitahu oleh plaintif kepada defendan.

[14] Oleh sebab penamatan perjanjian secara salah oleh defendan pada 9 September 2009 ('P17') plaintif telah mengalami kerugian dan kerosakan. Oleh itu tindakan ini telah difailkan plaintif terhadap defendan.

[15] Seperti dinyatakan sebelum ini, kes ini telah dibicarakan oleh YA Hakim terdahulu yang menolak tuntutan plaintif. Walau bagaimanapun atas arahan Mahkamah Rayuan pada 8 September 2015, kes ini telah dibicarakan semula di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini seterusnya telah mendengar semula kes ini. Memandangkan kes ini kes lama dan agak 'straight forward' walaupun terdapat banyak isu-isu teknikal di dalamnya, pihak-pihak bersetuju untuk menggunapakai nota-nota keterangan di dalam perbicaraan asal dengan kebebasan pihak-pihak memanggil saksi-saksi tambahan. Mahkamah bersetuju dan telah menerima masuk rekod perbicaraan terdahulu setelah prosidur-prosedur sewajarnya dipatuhi. Di dalam perbicaraan semula ini, plaintif telah memanggil saksi tambahan mereka sebagai SP5 dan defendan telah memanggil saksi tambahan mereka iaitu SD3.

[16] Sebelum perbicaraan penuh dijalankan semula, kedua-dua pihak telah meminda pernyataan tuntutan dan juga pembelaan masing-masing di mana penyataan tuntutan terpinda ('kandungan 85') dan pembelaan terpinda ('kandungan 92') telah difailkan.

[17] Defendan-defendan di dalam pembelaan terpindanya menyatakan bahawa defendan hanya dilantik oleh pihak JKR pada 8 Januari 2009 bagi cadangan pembaikian akibat kegagalan cerun di laluan FT185 dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta sahaja.

[18] Defendan-defendan juga menegaskan bahawa plaintif telah hanya dilantik oleh pihak defendan sebagai subkontraktor sebagaimana surat

bertarikh 11 Mac 2009 ('P6') dan 21 Mac 2009 ('P7') dengan anggaran jumlah kerja kontrak projek tersebut sebanyak RM3 juta sahaja. Jumlah kerja kontrak adalah berdasarkan kepada lukisan reka bentuk dan juga senarai kuantiti dan tidak melebihi RM3 juta sahaja.

[19] Defendan selanjutnya menegaskan bahawa pihak-pihak tidak pernah membuat apa-apa perjanjian secara lisan dan sebaliknya pada 23 Mac 2009 hanya membuat perbincangan biasa bagi kerja projek tersebut.

[20] Defendan telah menafikan bahawa mereka telah menamatkan perjanjian di antara pihak-pihak tetapi menyatakan bahawa mereka telah hanya memberikan notis pada 9 September 2009 untuk 'stop work order' sebagaimana di arahkan oleh JKR Negeri Kelantan. Malah plaintif sendiri yang telah gagal dan enggan meneruskan kerja-kerja projek tersebut.

[21] Defendan menegaskan bahawa berdasarkan kepada 'daily report', 'work done' dan juga penggunaan sebenar jentera di tapak jumlah keseluruhan kerja-kerja yang dijalankan oleh plaintif hanyalah RM1,332,133.43 yang telah pun dibayar sepenuhnya oleh pihak defendan.

DAPATAN MAHKAMAH

[22] Setelah meneliti dan mempertimbangkan segala keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi serta keterangan dalam bentuk dokumentari yang telah dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak semasa perbicaraan penuh, mahkamah mendapati bahawa terdapat tiga isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah di dalam menentukan kes ini seperti berikut:

(a) sama ada kontrak di antara plaintif dan defendan adalah berdasarkan kepada surat bertarikh 11 Mac 2009 dengan jumlah kontrak tidak melebihi RM3 juta ('P6') atau 'final contract sum' sebanyak RM27,250,000 ('P7') sebagaimana surat bertarikh 21 Mac 2009?

(b) sama ada kontrak di antara plaintif dan defendan telah ditamatkan secara salah oleh pihak defendan? dan

(c) sama ada plaintif adalah berhak kepada jumlah sebagaimana yang dituntut oleh pihak plaintif?

Isu 1 — Sama ada kontrak di antara plaintif dan defendan adalah berdasarkan kepada surat bertarikh 11 Mac 2009 (P6) dengan jumlah kontrak tidak melebihi RM3 juta atau 'final contract sum' sebanyak RM27,250,000 sebagaimana surat bertarikh 21 Mac 2009 (P7)?

[23] Sebelum mahkamah menjawab isu ini, mahkamah ini telah membuat dapatan fakta bahawa plaintif telah dilantik secara rasmi untuk menjalankan kerja-kerja yang dimaksudkan tersebut berdasarkan antara lain, keterangan SP4 seperti berikut:

Soal:	Since 2009 what are you working as?
Jawab:	I was and still a Director of Sungai Lui Construction and Development Sdn Bhd.
Soal:	Since when was Sungai Lui established?
Jawab:	Since 2003.
Soal:	How many other projects has sungai Lui undertake before?
Jawab:	I cannot remember but it's more or less 20 projects such as PLUS Third Link from Bukit Beruntung to Tanjung Malim, the Port Dickson—Linggi Project the Karak Highway.
Soal:	What is Sungai Lui's relationship with the Defendant, Jati Estetika Sdn Bhd?
Jawab:	Sungai Lui was employed by Jati to carry out emergency reconstruction and repair work at the site known as Laluan FT 185 Section 98.1, Jalan Simpang Pulai, Lojing 2, Gua Musang, Kelantan.
Soal:	What kind of emergency work is this?
Jawab:	Due to heavy rain, two sections of the road at Laluan FT 185 collapsed due to soil erosion. Alternative road need to be create and the stabilisations work need to be done as soon as possible to prevent further erosion and to prevent other part of the road from collapsing.
Soal:	Please explain how did your relation with Jati develop?
Jawab:	Initially on 8.1.2009, Jati was appointed by the Kelantan Public Work JKR to carry out emergency reconstructions and repair work at Laluan FT 185. Because Jati do not have the skill to carry out the work, on the 11.3.2009 (P6), Encik Syed Mohd Hikam from Jati approached me with the intention to appoint Sungai Lui as one of the sub-contractor to carry out the repair work.
Soal:	Did you accept Jati's offer?
Jawab:	No. Because during the discussions, Encik Hikam was unable to confirm Sungai Lui detail scope of work and only willing to offer estimate cost three million only. I informed Encik Hikam that the cost of repairing would easily exceed twenty million. En Hikam agree. I then informed him that Sungai Lui would only accept a project if it is agreed that Sungai Lui is a total sub-contractor and the payment be made to Sungai Lui by way of deed of assignment.

Soal: I refer now to page 16 and 17 of the Common Bundle. Do you know what document is this? **A**

Jawab: Yes. This is the appointment letter issued by Jati to Sungai Lui on 21.3.2009. We accept the offer.

Mahkamah: P7 **B**

Soal: According to this letter, what are the terms agreed on?

Jawab: The term as the following. Jati and Sungai Lui agree that term is this appointment letter shall be part of the agreement shall form as a legal binding contract. Sungai Lui shall carry out all the work **C** required at Laluan FT 185 totally sub. Sungai Lui is to prepare the MOA. The total sum and the details job scope will be further discussed once the drawing and the bill of quantity is approved by JKR. Temporary work which will carry out by others sub-contractor shall be the responsible of Sungai Lui to negotiate on the price as **D** well as a progress payment. Jati agree to make progress payments to Sungai Lui by way of deed of assignment. Sungai Lui is required to carry out the repair work as soon as possible.

Soal: What does it mean by totally sub?

E

Jawab: This mean that Sungai Lui will be the company in charge of entire execution of the project. That is why it's agreed that if there are other sub-contractors, they shall be under Sungai Lui responsibility.

[24] Mahkamah setelah meneliti keterangan-keterangan yang ada, bersetuju **F** dengan hujahan plaintif bahawa eksh P7 iaitu surat pelantikan bertarikh 21 Mac 2009 telah pun mengatasi P6. P6 merupakan tawaran awal daripada defendan sahaja dan telah tidak diterima oleh plaintif. Ianya adalah tergolong di bawah bahagian C (*common bundle*). Melalui P7, plaintif dilantik oleh defendan sebagai 'total sub-contractor'. Selain daripada itu P7, dikeluarkan **G** pada tarikh kemudiannya (*later date*), dan adalah logik untuk surat yang terbaru mengatasi surat yang terdahulu (lama). Tambah-tambah lagi skop kerja di P7 adalah lebih luas daripada P6. Maka adalah tidak logik jika plaintif menerima tawaran-tawaran yang sama dengan harga RM3 juta sahaja dengan skop kerja yang lebih luas. Dalam hal ini eksh P7 adalah berbunyi seperti **H** berikut:

> Sukacita dimaklumkan, kami telah bersetuju untuk melantik pihak tuan sebagai sub-kontraktor utama bagi melaksanakan projek di atas secara keseluruhannya (totally sub). Surat pelantikan ini adalah merupakan sebahagian daripada perjanjian **I** kontrak dan juga telah mengikat kontrak yang sah di antara kami dengan pihak tuan. Pihak tuan juga diminta untuk menyediakan dokumen perjanjian kontrak (Memorandum of Agreement (MOA)) dengan kadar segera untuk ditandatangani bagi mengukuhkan lagi perjanjian kontrak ini. Jumlah kontrak dan skop kerja

terperinci akan dibincangkan semula setelah pihak perunding mengeluarkan lukisan rekabentuk dan senarai kuantiti (BQ) yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

[25] Hujahan plaintif mengenai P7 tersebut juga telah disokong oleh keterangan SP1 iaitu pegawai daripada JKR yang telah menerangkan secara terperinci mengenai hubungkait dan juga niat pihak-pihak di dalam kes ini bahawa 'contract sum' adalah berdasarkan kepada 'bills of quantities' yang akan diluluskan oleh JKR yang mana akan terkandung di dalam MOA di antara pihak-pihak yang akhirnya tidak disempurnakan.

[26] SP1 (Pegawai JKR) sebagai seorang saksi bebas di dalam keterangannya telah juga menyatakan bahawa jumlah kontrak (*contract sum*) adalah sebanyak RM27 juta dan kontrak pertama sebanyak lima juta sebagaimana dakwaan defendan adalah sebahagian daripada kontrak berjumlah RM27 juta tersebut. SP1 juga menyatakan bahawa Kementerian Kewangan juga telah mengambil maklum bahawa kerja tersebut adalah sejumlah RM27,250,000. Mahkamah ingin merujuk sedutan keterangan SP1 berkenaan perkara ini seperti berikut:

Soalan	:	Encik Zailan, saya merujuk kepada m/s 7 dengan m/s 48. Okay. Di m/s 7, di sini ada mengatakan bahawa anggaran kos adalah untuk RM5 juta. Tetapi di m/s 48 ini ada mengatakan bahawa harga kontrak asal adalah RM27 juta. Bolehkah Encik Zailan menjelaskan bagaimana RM5 juta ini, adakah RM5 juta ini dengan RM27 juta ini untuk projek yang sama?
Jawapan (Zailan)	:	Okay Yang Arif. Ini adalah untuk projek yang sama. Projek sama kepda Jati Estetika. Semasa RM5 juta ini dikeluarkan ialah merupakan satu anggaran, semasa runtuhan berlaku di lokasi ini. Jadi, oleh kerana masa itu telah terputus laluan, maka JKR Kelantan telah putuskan supaya adakan AP 55, maksudnya lantikan terus pada kontraktor dan dianggarkan pada masa itu RM5 juta untuk kerja pembaikan. Dan semasa kerja berlangsung lebih kurang, saya rasa dalam sebulan, one or two months during the progress of the work, runtuhan kedua berlaku bersebelahan dengan lokasi yang pertama tadi. Dan ia juga melibatkan satu lokasi yang besar, jadi diputuskan bahawa oleh kerana machinery and the kontraktor telah berada di lokasi yang sama, diputuskan supaya dibuat sekaligus dengan pada kontraktor yang sama. Dan oleh kerana semasa tempoh tersebut, pihak konsultan juga telah membuat design, ukuran baru dan dianggarkan pada masa itu ialah pada RM27–28 million, dan selepas itu barulah diadakan rundingan harga. Jadi pada Progress Claim yang kedua ini, kita telah pun base kepada yang telah dirunding harga, masa kontrak-kontrak selepas itulah. Jadi yang RM5 juta ini adalah sebahagian daripada RM27 juta tersebut.
Soalan	:	Encik Zailan, RM27 million ini, bilakah jumlah harga ini ditentukan atau dipersetujui?

Jawapan (Zailan) : Saya kena refer. Boleh saya tanya? Adakah dipersetujui ialah antara JKR atau pun bersekali dengan Kementerian Kewangan? Yang Arif, apa yang dokumen saya ada di sini adalah daripada Kementerian Kewangan menyatakan bahawa Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa kerja ini ialah RM27,250,000.00 pada 19 Februari, yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan masa itu.

[27] Oleh itu mengambil kira eksh P7 dan juga keterangan SP1 mahkamah mendapati bahawa isu pertama adalah memihak kepada pihak plaintif di mana kontrak di antara plaintif dan defendan adalah berdasarkan kepada 'contract sum' sebanyak RM27,250,000.

[28] Mahkamah juga bersetuju dengan pihak plaintif dan mendapati bahawa walaupun MOU (P8 dan P9) sebagaimana yang telah dipersetujui pihak-pihak, tidak pernah ditandatangani dan disempurnakan, ianya masih lagi mengikat pihak-pihak memandangkan pihak-pihak telah bertindak sebagaimana terma-terma di dalam MOU tersebut. Tambah-tambah lagi ianya adalah tergolong di dalam dokumen Bahagian A (*common bundle*).

[29] Di dalam kes *Heller Factoring Sdn Bhd (previously known as Matang Factoring Sdn Bhd) v Metalco Industries (M) Sdn Bhd* [1995] 2 MLJ 153 Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

> The fact that the appellant had not dated or signed the sale and purchase agreement did not mean that there could be no concluded contract. Where a contract had been signed by one party only, it could be enforced where there was evidence, such as part performance by one party and acceptance by the other and that the other party had elected to be bound by it.

[30] Di dalam kes *Ajwa for Food Industries Co (MIGOP), Egypt v Pacific Inter-Link Sdn Bhd* [2013] 5 MLJ 625 Mahkamah Persekutuan selanjutnya telah menyatakan seperti berikut:

> On the question of whether the sales contracts are binding without the signature, we agree with the submission of the respondent that the sales contracts are not subject to any condition that they be signed before coming into effect. It is common knowledge that international agreements between parties doing business from different parts of the world ranging especially in international sales of goods and charter parties are concluded and performed without the need for signature, so long as parties have agreed on the terms. Likewise, the sale contracts setting out on the agreed terms despite the lack of signature as in the present case are valid and enforceable contracts.

[31] Berdasarkan kepada prinsip yang dinyatakan mahkamah mendapati bahawa berdasarkan kepada eksh P7 kedua-dua pihak telah bersetuju untuk

menyediakan satu *memorandum of understanding* ('MOU') sementara menunggu *memorandum of agreement* ('MOA') dan ia akan menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat pihak-pihak. Walaupun MOU tersebut ('P8') dan ('P9') serta MOA tersebut pada akhirnya tidak ditandatangani tetapi ianya tetap mengikat pihak-pihak kerana ianya telah pun dipersetujui dan pihak plaintif juga telah pun bertindak ke atas MOU tersebut.

[32] Mengenai MOU ini, mahkamah ingin merujuk kepada keterangan SP4 seperti berikut di ms 9–10:

Soal: Did the parties execute the MOU before you start work?

Jawab: No. My lawyer only managed to finalise the MOU and sent it to us on the 26.3.2009. On a goodwill basis we start work based on what was already agreed.

Soal: What were the terms agreed between the parties in terms of responsibility and payment?

Jawab: If you look at MOU, Sungai Lui responsible is to complete the entire work in relations to the project on behalf of Jati. Prior to this MOU, Adventure Builder was already at the site carry out temporary works. According to MOU, Jati will assign the right in respect of the temporary work to Sungai Lui and Sungai Lui shall bear the payment to Adventure Builder. As for the term of payment, Jati will execute of deed of assignment to assign entire right and ownership on all sum received from JKR to Sungai Lui. In return Sungai Lui will pay Jati project management fees will be paid 10% of the total contract value of JKR.

Isu 2 — Sama ada kontrak di antara plaintif dan defendan telah ditamatkan secara salah oleh pihak defendan?

[33] Sebelum mahkamah memutuskan mengenai isu ini, mahkamah ini telah membuat dapatan fakta bahawa berdasarkan keterangan yang ada, mahkamah berpuas hati bahawa pihak plaintif memang telah melaksanakan kerja-kerja yang telah dipersetujui. Antara lain, berikut adalah sedutan keterangan saksi utama SP4 (Lim) yang menerangkan antara kerja-kerja yang telah dibuat berdasarkan gambar P14 di nota keterangan di ms 13–14 seperti berikut:

Soal: The whole set. Can you please use this photograph to explain the progress of your work?

Jawab: We start at location 2 first. The progress work will be like the following. After the survey work, we start with site clearance, demolishing work, soil nailing, removal of roads material, excavation of unsuitable material and prepare working access road. Upon removal of unsuitable material, the excavation continue up to the rock toe bed level. Rock toe bed level is the lowest level of the

slope. It is also the most important level which require a lot of work to carry out there. If you look at page 24G to 24M, the lowest base is the rock toe level.

[34] Berbalik kepada isu samada kontrak di antara plaintif dan defendan telah ditamatkan, adalah menjadi kes pihak defendan bahawa pihak defendan tidak pernah menamatkan kontrak dengan plaintif. Ini adalah berdasarkan antara lain, bahawa notis bertarikh 9 September 2009 ('P17') bukan merupakan surat penamatan (*termination letter*) tetapi surat untuk perintah berhenti kerja (*stop work order*) dan defendan telah mengarahkan plaintif untuk teruskan kerja-kerja tetapi plaintif enggan melakukanya.

[35] Mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa walaupun notis bertarikh 9 September 2009 ('P17') tidak menyatakan secara spesifik penamatan kontrak di antara pihak-pihak namun fakta bahawa defendan *tidak pernah memanggil semula* pihak plaintif untuk menyambung kerja-kerja tersebut terjumlah kepada suatu penamatan.

[36] Malah terdapatnya keterangan yang menunjukkan bahawa defendan telah mula melantik pihak ketiga untuk menyambung kerja-kerja plaintif (lihat D37, D38 dan D39). Justeru itu 'conduct' defendan ini menunjukkan bahawa defendan tidak pernah atau tidak lagi berniat untuk memanggil semula pihak plaintif bagi kerja-kerja tersebut.

[37] Di dalam kes *Pembinaan Perwira Harta Sdn Bhd v Letrikon Jaya Bina Sdn Bhd* [2013] 2 MLJ 620 Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan pihak perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang menyatakan seperti berikut:

> Given the facts and the law, we entirely agree with the court below that omission under clause 19 was not made out, that clause 19 was a variation clause and so could not be invoked to omit the entire subcontract works, *as the wholesale omission of the subcontract works which would leave nothing to the respondent for performance was as good as termination of the subcontract.*

[38] Mahkamah juga mendapati bahawa dengan penafian plaintif bahawa defendan ada meminta plaintif untuk menyambung kerja-kerja tersebut serta tiada bukti yang dikemukakan oleh defendan untuk menyokong perkara tersebut, mahkamah memutuskan bahawa apa yang dikatakan defendan adalah tidak benar. Malahan mahkamah memutuskan bahawa fakta bahawa defendan mengarahkan jentera-jentera kerja perlu dikeluarkan adalah dengan sendirinya bermaksud plaintif perlu berhenti kerja-kerja yang dilakukannya kerana bagaimana hendak melakukan kerja-kerja berkenaan tanpa jentera-jentera tersebut.

[39] Atas dasar itu mahkamah mendapati bahawa isu kedua juga adalah memihak kepada pihak plaintif di mana kontrak di antara pihak-pihak telah ditamatkan oleh pihak defendan secara salah.

Isu 3 — Sama ada plaintif adalah berhak kepada jumlah sebagaimana yang dituntut oleh pihak plaintif?

[40] Mahkamah sebelum ini telah membuat dapatan fakta bahawa mahkamah berpuas hati bahawa plaintif telah membuat kerja-kerja seperti yang telah dipersetujui sehinggalah diarah berhenti. Keadilan menghendakkan plaintif dibayar sewajarnya dengan adil, dan defendan tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan sambil menafikan hak plaintif. Mahkamah telah meneliti tuntutan plaintif (terpinda) secara mendalam.

[41] Mahkamah juga telah meneliti justifikasi yang diberikan oleh saksi plaintif khususnya keterangan SP4 dan SP5 dan mahkamah berpuas hati dengannya bahawa tuntutan yang dibuat adalah wajar dan adil. Berikut adalah sedutan keterangan SP4 di ms 27–28 nota keterangan seperti berikut:

Soal: I'm obliged. Question 85, can you please explain, let's have your breakdown of the sum?

Jawab: RM10,678,915.58 is for work that we have done for March 2009 to October 2009. RM395,394.80 is for the materials which we purchased prior to the termintaions which Jati had used them. RM117,000.00 is for the loss of use of machinery used from September 2009 to October 2009. RM1,566,320.96 is for the loss of profit which we are entitled to if it was not for Jati notice to terminate us. RM26,424.46 is for the additional work which we have carried out for them. RM50,000 is for the advance project management fees which we paid Jati.

Soal: Question 86, can you please explain how do you arrive at the sum of RM10,678,915.58? (Nota: Tuntutan ini sebelum pindaan)

Jawab: The amount is charged based on 85% of the work we have done according to the rate for JKR Bill of Quantity. If you look at page 345 of Common Bundle, we are only claiming for work done column. For example, under Bill number 1 — Preliminaries, page 346 for Common Bundle will show the particulars of preliminaries. For item 1.1 to 1.2.3, these are the responsibilities of Jati, as such we did not claim for these as they were not done by us. If you look at item 1.3 to 1.13.3 and compare it with page 52 of the Common Bundle which is the BQ from JKR, you will see that the amount allowed by JKR in the contract amount is the amount stated in the 'JKR Amount Contract' column at pages 346 and 347. Sungai Lui therefore charges 85% based on thes contract amount. Another example, under Bil number 2 — Site clearance and Temporary

Road. If you compare page 349 with page 53, the 'This Claim' column. The amount claimed by Sungai Lui is therefore for the 85% based on the amount received by Jati. The reason why JKR is not paying Jati the full contract amount as shown in page 53 is because we have only managed to complete part of the work. This can be seen at % column at page 53.

[42] Mahkamah mendapati plaintif dengan ikhlasnya tidak menuntut kerja-kerja yang tidak dilakukan oleh mereka seperti berikut:

Soal: OK, question 87. I refer to page 345 of the Common Bundle. Why is there no claim from you for bill number 8 and bill number 9? Also why is there a 'by Jati' under the bill number 9 column?

Jawab: We did not carry out any work related to bill number 8, that is why we are not climing for bill number 8. Upon arriving at the site, Adventure Builder was already carrying out the temporary work such as soil nailing. Since they were doing a good job, we continue to appoint them with the rest of soil nailing work. Although it was agreed in the MOU that Jati will assign the rights in respect of the temporary work to Sungai Lui and Sungai Lui shall bear the payment Obligations to Adventure Builder, jati went ahead to make payment to Adventure Builder without our consent. That is why bill number 9 state 'by Jati'. We are only climing for work done by us and our sub-contractor.

Soal: Question 91, why is your total amount of work only RM18,510,520.38 and not RM27,275,000 as shown in JKR's BQ?

Jawab: We are only charging based on the things and works which we did. For things we did not do, such as temporary works we did not claim. Other examples of works which was not carried out by us are preparation of performance bond, insurance etc. RM18,510,520.38 is based on 85% on the rate shown in JKR BQ.

[43] Keterangan SP4 ini disokong oleh SP5 iaitu pengarah projek plaintif. Di ms 22 keterangan beliau, SP5 berkata:

it was agreed between the Plaintiff and the Defendant that works shall be assigned to the Plaintiff totally, and that 85% of the contract price between the Defendant and JKR shall be paid to the Plaintiff. We did not know what was the contract price between the Defendant and JKR, as the Defendan refused to tell us. That is why the claim in the Plaintiff's previous letter was merely based on an estimated amount. It was only after this suit was brought, the Defendant revealed the contract price which is 27,250,000. The Plaintiff's current claim is based on the actual contract price between the Defendant and JKR as well as the valuation or measurement carried out by JKR.

Di ms 27, SP5 menerangkan mengenai tuntutan plaintif:

Soalan : I refer to Exhibit P28, page 378 of the Common Bundle B. This is the breakdown of the sum we are claiming from the Defendant based on what we have paid out plus 20% as profit to us.

Soalan : Question 14. How was this Idling Costs incurred by the Plaintif?

Jawab : On 09.09.2009, we were told to finish all the works up to the rock toe level and stop all the works. However on the 10.10.2009, we were then given the instruction to finish up to the 1st berm level. Since 09.09.2009–10.10.2009, our machines were at site idling. As such, we are claiming of the costs incurred due to the sudden stop work order and the idling of machineries.

SP5 semasa disoalbalas memberi keterangan yang konsisten dan tidak goyah, antara lain seperti berikut di ms 22:

Soalan : En Noridan, kalau saya katakan bahawa Sungai Lui tidak menyiapkan kerja-kerja yang sepatutnya dibuat di Lokasi 1 dan juga di Lokasi 2. Setuju atau pun tidak?

Jawab : Tidak setuju.

Soalan : Soalan saya, Yang Arif, setuju atau pun tidak kalau saya katakan bahawa Sungai Lui tidak menyiapkan kerja-kerja yang sepatutnya di Lokasi 1 dan juga Lokasi 2. Kalau dia kata siap, siaplah. Kalau dia setuju, dia kata ya.

Jawab : Kita menyiapkan kerja setakat yang diarahkan sebelum surat pemberhentian kerja.

[44] Peguam plaintif juga telah dengan terperinci membuat hujahan bertulis mengenai justifikasi tersebut di dalam hujahan bertulis beliau di ms 14–35 ('outline submission') yang mana hujahan ini telah diasaskan kepada keterangan-keterangan saksi-saksi, konsisten dengan dapatan mahkamah sebelum ini. Mahkamah justeru itu, setuju dengan hujahan tersebut.

[45] Pihak defendan tidak pula mempertikaikan secara serius mengenai perincian atau 'breakdown' item-item yang dituntut tersebut. Mahkamah mendapati mereka masih berpegang kepada hujahan mereka bahawa kontrak yang dipersetujui oleh pihak-pihak adalah berlandaskan jumlah kontrak sebanyak RM3 juta sahaja dan atas dasar itu berhujah bahawa berdasarkan kepada 'daily report, work done' dan penggunaan sebenar jentera jumlah kontrak yang layak dituntut oleh plaintif hanyalah RM1,332,133.43 yang mana telah pun dibayar selaras dengan perintah mahkamah bertarikh 12 Julai 2011 dan tidak lagi berbangkit.

[46] Setelah meneliti keterangan-keterangan dan hujahan pihak defendan, mahkamah namun begitu mendapati bahawa tiada keterangan kukuh yang telah dikemukakan oleh pihak defendan yang dapat mematahkan hujahan plaintif mengenai jumlah tuntutan yang telah dituntut oleh pihak plaintif. Mahkamah mendapati keterangan daripada saksi-saksi defendan ada yang

meragui dan tidak boleh dipercayai contohnya SD1. Malahan mahkamah mendapati beliau bukan saksi yang bebas dan yang berkredibel. Ini adalah kerana beliau mengakui beliau datang ke mahkamah atas arahan majikan untuk memberikan keterangan memihak kepada defendan. Keterangan SD2 iaitu Pengarah Urusan syarikat defendan pula semasa disoal balas menguatkan lagi hujah plaintif bahawa defendan telah merancang supaya kerja-kerja plaintif ditamatkan sehingga bulan Oktober sahaja. Berikut adalah keterangan SD2 seperti di ms 23:

Soalan:	En Hikam, saya cadangkan bahawa kamu ada meminta pihak Sungai Lui untuk membekalkan work schedule hanya sampai Oktober 2009 setuju?
Jawab:	Setuju.
Soalan:	Mengapa kamu meminta Sungai Lui mengeluarkan work schedule hanya sampai Oktober 2009 dan bukan hingga jangka seterusnya?
Jawab:	Sebab kerja-kerja ini adalah kerja emergency.
Soalan:	Adakah ini arahan dari JKR?
Jawab:	JKR directly tak sebut.

Di ms 25 pula:

Soalan :	Jadi sebenarnya tak ada sebarang arahan atau niat dari JKR yang meminta projek ini disiapkan pada Oktober 2009. Tak ada, tak ada niat arahan dari JKR. Setuju?
Jawab :	Okay, setuju.
Soalan :	Setuju ya. Jadi saya cadangkan bahawa sebenarnya ini adalah keputusan Jati sendiri yang meminta Sungai Lui menghabiskan kerja pada Oktober 2009. Setuju?
Jawab :	Setuju.

[47] Mengenai arahan 'stop work', SD2 semasa disoal balas di ms 22 berkata:

Soalan :	Dengan surat tersebut ya? Saya cadangkan bahawa dalam kesemua muka surat ini, tak ada di sini yang mengatakan bahawa JKR minta stop work. Setujukah tidak? Saya cadangkan.
Jawab :	Dia tidak cakap, cuma dia cakap dalam surat itu kerja kita selanjutnya akan ditender. So maknanya bukan under scope Jati Estetikalah.
Soalan :	Yang tapi maksudnya dia tak ada kata bahawa minta stop work lah, dia hanya kata kerja akan ditender. Itu sahaja.
Jawab :	Ya.

[48] Mengenai SD3, sama dengan SD1 mahkamah mendapati keterangan SD3 adalah tidak berasas dan tidak menyakinkan. Keterangan SD3, seorang

jurukur berdaftar ini adalah berdasarkan laporan-laporan atau dokumen yang disediakan oleh defendan di dalam Ikatan L. Selain daripada itu beliau tidak tahu. Berikut adalah sedutan keterangan SD2 semasa disoalbalas di ms 21:

Soalan : Laporan ini hanya berdasarkan lampiran-lampiran dalam Ikatan L?
Jawab : Ya
Soalan : Jadi En Alias pun boleh bersetuju bahawa semua dokumen yang diberikan oleh Jati, adalah dalam Ikatan L di sini? Betul? Sila jawab.
Jawab : Ya, betul.
Soalan : Setujukah tidak En Alias hanya berdasarkan kepada informasi yang dibekalkan oleh Defendan di sini dan tidak pernah menyiasat atau pun bertanya daripada pihak Plaintif di sini?
Jawab : Setuju, saya tidak pernah sebab berdasarkan report saja.

[49] Mahkamah juga mendapati bahawa pihak defendan juga tidak memberikan keterangan yang konsisten di antara mereka sehinggakan mahkamah tidak dapat memutuskan 'valuation method' yang manakah yang digunakan oleh defendan. Keterangan mereka lebih kepada penafian saja.

[50] Atas dasar itu mahkamah berpendapat bahawa isu ketiga juga adalah memihak kepada pihak plaintif.

[51] Untuk melengkapkan alasan ini, mahkamah akan menjawab beberapa isu-isu lain yang dibangkitkan oleh defendan.

[52] Pihak defendan telah menghujahkan bahawa SP5 adalah bukan saksi 'on the ground', justeru itu beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai projek ini. Mahkamah telah meneliti keterangan beliau dan mendapati bahawa hujahan ini adalah tidak berasas. SP5 terlibat di dalam menguruskan projek ini dan juga menyediakan tuntutan-tuntutan (*tabulating the figures for claim*) kepada defendan. Beliau telah memberi keterangan secara terperinci bagaimana beliau memperolehi angka-angka tuntutan tersebut dengan disokong oleh dokumen-dokumen. Defendan pula tidak dapat menyakinkan mahkamah bagaimana angka-angka perkiraan tersebut adalah tidak benar sedangkan ianya adalah berdasarkan kepada apa yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak.

[53] Pihak defendan juga membangkitkan isu kegagalan pihak plaintif memanggil En Hafizan Mohamad Mustafa iaitu salah seorang saksi yang menandatangani dokumen D33 dan telah mohon kepada mahkamah supaya mengenakan inferens bertentangan terhadap plaintif di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Defendan menegaskan bahawa kegagalan pihak plaintif memanggil penama tersebut menunjukkan bahawa plaintif telah menyembunyikan keterangan bahawa 'joint measurement' telah digunakan di

dalam membuat perkiraan tuntutan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa bukanlah menjadi kes plaintif bahawa wujudnya 'joint measurement' di antara plaintif dan defendan. Ianya adalah kes defendan. Justeru itu, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa anggapan bertentangan sewajarnya dikenakan terhadap defendan dan bukannya terhadap plaintif di atas kegagalan memanggil Hafizan.

PENUTUP

[54] Oleh yang demikian berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas mahkamah ini mendapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan di atas imbangan kebarangkalian dan justeru itu tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah dibenarkan dengan kos sebanyak RM15,000.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos sebanyak RM15,000.

Reported by Nisha Paran